

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

UPACARA: MAJLIS PELANCARAN HARI KELUARGA KEBANGSAAN 1990

TEMPAT: STADIUM BOLA SEPAK, BANDAR TUN RAZAK, CHERAS

TARIKH: 11 NOV 1990

MASA:

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.  
Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu wa Ta'ala kerana dengan izinNya dapat kita bersama-sama berkumpul dalam majlis perayaan Hari Keluarga Kebangsaan yang pertama kali disambut di negara kita.

2. Sepertimana kita maklum, masyarakat manusia tidak statik. Semuanya berubah dengan pengaliran masa. Ada perubahan yang baik dan ada perubahan yang buruk. Kita boleh menerima sahaja perubahan yang berlaku dalam masyarakat kita atau kita boleh menentukan apakah perubahan yang dibenar dan digalakkan dan apa yang harus dihalang daripada berlaku. Jika kita tahu bahawa ada perubahan yang akan membawa akibat tidak baik, amatlah tidak bertanggungjawab jika kita membiarkan sahaja perubahan itu berlaku. Masyarakat manusia yang waras tentulah akan cuba menghalang perkembangan perubahan yang tidak baik daripada melanda masyarakat berkenaan.

3. Di Malaysia kita ingin maju seperti negara yang maju di Barat. Kita mahu kemajuan kerana kita ingin taraf hidup yang lebih baik seperti di negara yang maju. Mereka juga lebih berusaha dan lebih kuat daripada kita. Tanpa kekuatan yang datang daripada kemajuan, kita boleh ditindas oleh mereka yang maju. Jika kita maju kemungkinan kita ditindas akan berkurangan. Sebab itu kita mengejar kemajuan.

4. Tetapi jika kita teliti masyarakat yang maju di Barat kita akan mengenali beberapa keburukan. Antaranya ialah keruntuhan institusi keluarga. Di Barat keluarga kadang-kadang tidak wujud sama sekali. Terdapat segolongan orang Barat yang begitu mendewa-dewakan kepentingan dan kebebasan diri sendiri sehingga tidak mahu berumahtangga. Mereka hidup seorang diri, mengadakan perhubungan yang sementara tanpa mendirikan rumahtangga. Dengan ini mereka tidak berasa terikat dengan apa-apa dan mereka boleh melakukan apa sahaja secara bebas.

5. Jika mereka berumahtangga sekalipun, ianya amat terhad. Ada antara mereka yang tidak mahu seorang anak pun. Jika mereka mempunyai anak, maka apabila sampai umur remaja, ibu bapa tidak begitu berasa bertanggungjawab terhadap anak dan anak pula tidak mahu menerima sebarang kawalan oleh ibu

bapa. Kerap kali anak meninggalkan ibu bapa dan hidup berasingan. Hubungan kekeluargaan diputuskan oleh kedua-dua pihak.

6. Ada keluarga di Barat yang merupakan keluarga nuklear atau nuclear family iaitu terhad kepada ibu bapa dan anak sahaja. Tidak ada datuk dan nenek atau bapa dan anak saudara atau sepupu yang diiktiraf sebagai ahli keluarga. Semuanya merupakan orang asing, tidak daripada satu keluarga. Justeru itu, apa yang terjadi kepada ahli-ahli keluarga yang jauh bukanlah tanggungjawab sesiapa yang mempunyai kaitan keluarga.

7. Dalam masyarakat seperti ini apabila ibu bapa sudah tua dan mungkin tinggal berseorangan sahaja, anak tidak akan mengambil peduli. Mereka dimasukkan ke rumah orang tua sehingga ke akhir hayat. Kerap kali kerajaan dipertanggungjawabkan untuk menjaga ibu bapa yang sudah tua.

8. Kerajaan mungkin boleh mengadakan rumah orang-orang tua. Tetapi kerajaan tidak boleh memberi kasih sayang. Setelah memelihara anak sendiri dengan kasih sayang, amatlah sedih apabila ibu bapa ditinggalkan sebagai beban yang tidak berguna oleh anak. Tetapi inilah yang kerap kali berlaku di negara-negara maju apabila institusi keluarga sudah runtuh.

9. Bagi kumpulan remaja pula, tidak adanya kawalan oleh ibu bapa menjadikan mereka liar, tidak sopan dan mudah terlibat dengan arak, dadah dan jenayah. Seinggakan adakalanya pernah terjadi anak muda di negara-negara maju yang membunuh untuk 'thrill' iaitu kerana seronok.

10. Jelaslah bahawa apabila institusi keluarga sudah runtuh, kemajuan sudah tidak memberi makna yang sepatutnya. Apa gunanya kemajuan material jika kehidupan harian begitu tidak selamat dan masyarakat muram dan diserang dengan sakit jiwa? Walaupun kelihatan orang-orang di negara maju ini berseronok, tetapi keseronokan mereka tidak berpunca daripada ketenangan jiwa. Keseronokan mereka dicapai melalui cara-cara 'escapism' dengan melarikan diri daripada tekanan jiwa yang mereka alami. Dengan itu masalah sosial dalam masyarakat mereka menjadi begitu besar. Penggunaan dadah secara meluas di negara-negara Barat disebabkan oleh keruntuhan institusi keluarga.

11. Namun masalah yang dihadapi oleh masyarakat yang maju dan mewah tidak bermakna bahawa masyarakat yang tidak maju dan miskin tidak akan diserang oleh masalah yang sama. Sebenarnya masyarakat yang ketinggalan daripada segi tamadun moden juga mengalami masalah yang berat, daripada segi ketidaktenangan fikiran dan daripada segi kemiskinan yang ketara.

12. Usaha ke arah kemajuan material dan pemodenan hendaklah diteruskan. Hanya yang dikehendaki ialah mengelak daripada terperangkap dengan aliran dan gejala keruntuhan institusi-institusi kemasyarakatan seperti kekeluargaan. Usaha

hendaklah dibuat secara sedar dan positif supaya sistem keluarga luas atau extended family tidak diganti dengan keluarga nuklear, dan perhubungan kekeluargaan diteruskan.

13. Inilah yang menyebabkan Kerajaan Malaysia memberi perhatian yang serius kepada kekeluargaan sebagai satu institusi masyarakat yang perlu dikekalkan dan diperkukuhkan. Kita ingin menjadikan keluarga bahagia sebagai sesuatu yang dikejar oleh semua pihak, sama ada miskin atau kaya.

14. Tujuan kita melancarkan Hari Keluarga Kebangsaan ialah supaya kita dapat memperingati diri kita akan pentingnya keluarga sebagai satu unit dan institusi dalam masyarakat kita di Malaysia. Kita sudah pun mengesan bagaimana institusi kekeluargaan sudah pun mula merosot dalam negara kita yang pesat membangun.

15. Pemindahan ke bandar dan dari negeri asal ke negeri lain yang terpaksa dilakukan untuk kepentingan hidup sudah pun, sedikit sebanyak, memutuskan hubungan keluarga. Tetapi generasi pertama yang melakukan pemisahan ini masih ingat pertalian dengan kampung dan keluarga mereka. Justeru itu sekurang-kurangnya setahun sekali mereka bersusah-payah balik ke kampung untuk memperbaharui hubungan kekeluargaan.

16. Kita sudah hampir kepada giliran generasi yang kedua, generasi yang dilahirkan dan dibesarkan dalam bandar. Dalam bandar kita tidak tinggal sebelah-menyebelah keluarga sendiri. Jiran kita terdiri daripada orang asing dan perhubungan kita dengan mereka tidak rapat seperti hubungan dengan keluarga. Pertalian antara generasi kedua dan saudara mara di kampung sudahpun renggang. Mungkin keinginan balik ke kampung pada hari-hari kebesaran akan menjadi pudar. Sebaliknya generasi ini tidak pula mendirikan keluarga bandar yang mempunyai hubungan yang erat. Sesuatu kelamin biasanya tinggal bersendirian.

17. Institusi keluarga sekarang sudah mula menunjukkan tanda-tanda kemerosotan. Generasi ketiga mungkin akan terpisah langsung dengan kampung halaman dan keluarga di tempat mereka berasal. Di samping itu juga hubungan kekeluargaan di bandar semakin merosot.

18. Sikap juga berubah di bandar. Perasaan tanggungjawab kepada keluarga berkurangan. Keinginan untuk bebas daripada kawalan keluarga menyebabkan adanya remaja yang sudah bekerja, berpindah daripada rumah ibu bapa walaupun belum berkahwin. Sudah tentulah selepas berkahwin, pasangan yang baru ingin mengadakan rumah sendiri. Pada masa dahulu di kampung, pasangan baru tinggal di rumah mertua dan ibu bapa. Dengan aliran baru ini, semakin kurangnya pertalian kekeluargaan.

19. Aliran yang sedang berlaku ini, lambat-laun akan menggugat lagi institusi kekeluargaan jika satu usaha tidak dibuat untuk mengekalkan institusi keluarga. Di Malaysia kita tidak mahu menjadi negara kebajikan ala Barat, di mana

orang tua menjadi tanggungjawab kerajaan, dan mereka ditempatkan di rumah orang tua sehingga akhir hayat. Jika kita tidak mengukuhkan semula institusi keluarga dan kasih sayang kekeluargaan, maka kita akan menyaksikan peristiwa-peristiwa yang sedih di mana orang tua yang meninggal dunia akan dikebumikan tanpa dihadiri oleh seoranganpun daripada keluarganya.

20. Tumpuan kita terhadap institusi keluarga tidak terhad kepada talian kekeluargaan individu melalui proses beranak-cucu sahaja. Di Malaysia kita hidup dalam masyarakat yang lebih besar, iaitu masyarakat berbilang kaum yang juga merupakan keluarga kita. Walaupun talian kekeluargaan masyarakat tidak setebal talian keluarga biasa, ia tidak kurang pentingnya dalam menentukan keamanan dan kestabilan di negara kita.

21. Justeru itu amatlah penting kita menjalinkan hubungan yang rapat dan baik dalam keluarga masyarakat Malaysia. Kita tidak akan rugi jika kita berbuat demikian. Sebenarnya di bandar-bandar di mana kita tinggal, jiran kita tidak lagi terdiri daripada keluarga kita bahkan tidakpun daripada kaum yang sama dan seagama dengan kita. Namun dalam keadaan kecemasan, tolong-menolong antara jiran masih lagi penting. Jika jiran sesama jiran tidak menjalinkan perhubungan yang baik, maka dalam masa-masa tertentu kita tidak akan mendapat apa-apa bantuan atau pertolongan.

22. Di Malaysia sesetengah golongan amat benci dengan perkataan asimilasi. Walaupun kita tidak suka kepada asimilasi, tetapi kita tidak harus menolak perhubungan kekeluargaan walaupun antara individu yang berlainan kaum. Perkahwinan antara kaum hendaklah menjadi sesuatu yang patut diterima, asalkan ianya tidak melanggar adat resam dan sensitiviti agama tertentu. Apabila sudah ada talian perkahwinan keluarga, mereka tidak harus memutuskan hubungan dengan keluarga asal mereka.

23. Saya ingin menyatakan bahawa ini bukanlah dasar kerajaan. Ia hanyalah pandangan saya sahaja kerana ada ahli keluarga saya yang bukan daripada kaum saya. Tetapi saya menerimanya sebagai ahli keluarga yang luas.

24. Hari Keluarga Kebangsaan mempunyai matlamat yang besar dan bermakna bagi negara kita Malaysia. Keluarga dan hubungan kekeluargaan hendaklah dijadikan asas masyarakat Malaysia terutamanya semasa negara kita mengalami pembangunan dan kemajuan. Kita percaya bahawa institusi kekeluargaan tradisional hendaklah dikekalkan. Dengan berbuat demikian, kita akan dapat mengelakkan gejala yang menimpa banyak masyarakat yang sudah maju di Barat dan di tempat-tempat lain.

25. Akhir sekali saya mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara kerana menjemput saya ke majlis pelancaran Hari Keluarga Kebangsaan pada hari ini. Saya berharap perayaan Hari Keluarga

Kebangsaan ini akan disambut baik oleh rakyat dan dengan itu dapat mengeratkan lagi silaturahmi dan hubungan baik di antara keluarga kita keseluruhannya. Keharmonian dan kesejahteraan keluarga akan membawa kita ke arah satu masyarakat dan negara yang aman, stabil dan makmur.

26. Dengan ini, saya dengan rasminya mengisytiharkan pelancaran Hari Keluarga Kebangsaan 1990.  
Wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum  
warahmatullahi wabarakatuh.